



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 3 TAHUN 2009

PENGENAAN FEE RM100.00 KE ATAS PEMINJAM YANG MENGEMUKAKAN DOKUMEN TAWARAN PEMBIAYAAN UJRAH SELEPAS TAMAT TEMPOH TAWARAN YANG DITETAPKAN

TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua penerima pinjaman pendidikan PTPTN mengenai pengenaan fee RM100.00 ke atas kes rayuan tawaran Ujrah bagi mereka yang gagal mengemukakan dokumen tawaran pembiayaan Ujrah mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

LATAR BELAKANG

Tawaran pembiayaan pendidikan berkonsepkan Ujrah telah mula dilaksanakan pada 1 Ogos 2008 secara berperingkat. Pelaksanaannya melibatkan semua penerima pinjaman pendidikan sama ada yang masih dalam tempoh pengeluaran atau yang telah tamat pengeluaran. Perubahan kaedah pembiayaan ini melibatkan penurunan kos pentadbiran sebanyak 3% kepada kos upah sebanyak 1%.

PELAKSANAAN

Bagi melaksanakan urusan pembiayaan berkonsepkan Ujrah ini, semua peminjam diberi dokumen tawaran baru. Peminjam perlu menandatangani dokumen tawaran (surat tawaran dan dokumen perjanjian) yang baru sekiranya bersetuju menerima tawaran tersebut. Makluman kepada peminjam mengenai perkara ini dibuat melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS). Peminjam dikehendaki mencetak dokumen tawaran melalui laman web PTPTN. Dokumen tawaran yang telah lengkap ditandatangani hendaklah dikembalikan semula oleh peminjam ke PTPTN mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Tawaran tersebut akan terbatal dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran sekiranya tiada maklum balas diterima daripada peminjam. Sekiranya peminjam masih ingin mendapatkan semula dokumen tawaran tersebut, peminjam boleh mengemukakan rayuan dan fee akan dikenakan terhadap peminjam sebanyak RM100.00 sebagai wang prosesan bagi setiap rayuan yang diluluskan. Jumlah fee yang dikenakan akan didebitkan ke akaun peminjam.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 November 2009.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(YUNUS BIN ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

1 November 2009